

BAB 5

ANALISIS BERASASKAN NILAI DALAM MELESTARIKAN WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA: SATU PENELITIAN TERHADAP NILAI KOLEKTIF DALAM TRADISI *MUNJUNG* MASYARAKAT MELAYU JAWA DI SELANGOR

Suraya Sukri dan Siti Zulaika Supaad

PENGENALAN

Masyarakat Melayu Jawa telah lama bertapak di Selangor dan telah mewarisi tradisi amalan daripada nenek moyang mereka. Kata tradisi berasal daripada bahasa Latin iaitu “*traditio*” yang bermaksud diteruskan. Dari segi bahasa pula, tradisi adalah sesuatu kebiasaan yang berkembang dalam masyarakat yang diasimilasikan dengan ritual, adat dan agama. Dalam erti kata lain, sesuatu yang telah dilakukan sejak dahulu dan menjadi sebahagian dari kehidupan suatu kelompok masyarakat dan dipengaruhi oleh sesebuah lokaliti, kebudayaan dan agama. Tradisi ini berlaku secara turun-temurun sama ada melalui lisan dan tulisan (AG, 2001). Begitu juga bagi masyarakat Melayu Jawa di Selangor, antara salah satu tradisi yang masih menjadi amalan mereka adalah *munjung*. Amalan ini bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturahim dan telah menjadi kewajipan bagi golongan muda untuk berkunjung ke rumah orang-orang yang lebih tua. Oleh yang demikian, wujud pula satu konsep “orang yang berkunjung” dan juga “orang yang dikunjungi” iaitu orang yang akan menerima kunjungan (Maiwan, 2011).

Munjung merupakan tradisi menghantar makanan seperti nasi, lauk-pauk, kuih dan buah-buahan yang dilakukan sebagai tanda penghormatan, rasa syukur, rasa bahagia, rasa terima kasih dan ingatan kepada ahli keluarga dan jiran terdekat yang lebih tua. Tradisi *munjung*